

Jawab **semua** soalan

1. (a) Firman Allah SWT :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

(Surah al-Hujurat : 13)

Ayat di atas menerangkan tuntutan saling mengenali dalam kalangan pelbagai bangsa. Berdasarkan ayat di atas,

- (i). Nyatakan **dua** tuntutan yang terdapat dalam ayat. [2 markah]

- (ii). Jelaskan **dua** keutamaan takwa. [2 markah]

- (iii). **Kepelbagaian bangsa membina peluang bagi mengukuhkan kehidupan yang harmoni dalam masyarakat majmuk di Malaysia.**

Huraikan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas.

[4 markah]

- (b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَأَنْ يَحْتَطِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ.

(Riwayat al-Bukhari)

Hadis di atas menerangkan tentang kelebihan perbuatan berdikari dalam melakukan sesuatu perkara. Berdasarkan hadis di atas,

- (i). Nyatakan pengertian berdikari. [2 markah]

- (ii). Apakah **dua** contoh pekerjaan Rasulullah dalam menyara kehidupan keluarga Baginda? [2 markah]

- (iii). Jelaskan hikmah berdikari dari aspek ekonomi. [2 markah]

- (iv). Terangkan **dua** pengajaran daripada hadis di atas. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

(c) Nyatakan cara bacaan bagi tanda waqaf berikut: [2 markah]

- (i). 
- (ii). 

2. (a) Kita wajib mendalami ilmu akidah yang sebenar untuk memelihara akidah daripada fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam.

- (i). Apakah maksud ajaran sesat? [2 markah]
- (ii). Jelaskan **dua** ciri-ciri ajaran sesat dari aspek akidah. [4 markah]
- (iii). Terangkan **dua** cara bagi menjauhi ajaran sesat. [4 markah]

(b) Pemahaman yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah menyebabkan munculnya fahaman-fahaman yang menyeleweng daripada akidah yang sebenar.

- (i). Nyatakan sejarah ringkas kemunculan Khawarij. [2 markah]
- (ii). Jelaskan perbezaan pandangan Ahli Sunnah Waljamaah dan Khawarij berkaitan isu berikut : [4 markah]
- Pelaku Dosa Besar
 - Kedudukan Iman

(iii).

Antara usaha pihak kerajaan dalam membanteras ajaran sesat seperti Khawarij ialah dengan mengenakan denda yang tinggi terhadap pesalah, menyebarkan tentang ilmu akidah Ahli Sunnah Waljamaah dan mengadakan program pemulihan akidah.

Berdasarkan pernyataan di atas, ramalkan kemungkinan yang akan berlaku kepada masyarakat sekiranya isu ini tidak dipandang serius oleh pihak berkuasa.

[4 markah]

3. (a) Muamalat Islam menjadi pilihan pengguna untuk menguruskan kewangan berlandaskan syariat Islam.
- (i). Apakah maksud akad dalam muamalat Islam? [2 markah]
- (ii). Nyatakan **dua** jenis akad dari aspek **kebajikan** dalam muamalat Islam. [2 markah]
- (iii). Nyatakan **hukum** bagi situasi berikut: [2 markah]
- (a) Fahim membeli barangan sukan melalui internet iaitu secara atas talian : _____
- (b) Farha telah melibatkan diri dalam perniagaan skim piramid yang membabitkan pertukaran wang tanpa barangan atau perkhidmatan yang disertakan : _____
- (b) Suami dan isteri memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam kehidupan rumah tangga.
- (i). Jelaskan tanggungjawab suami dan isteri dari aspek ibadah. [2 markah]
- (ii).

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman!
Peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka....
(Surah at-Tahrim:6)
- Cadangkan langkah terbaik bagi memastikan ibu bapa menunaikan tanggungjawab terhadap anak-anak. [4 markah]
- (c) Pembubaran perkahwinan adalah salah satu isu yang berlaku dalam perkahwinan.
- (i). Nyatakan pengertian *iddah*. [2 markah]
- (ii). Berapakah tempoh *iddah* bagi isteri yang kematian suami? [2 markah]
- (iii).

"Aminah bekerja dalam tempoh *iddah* selepas kematian suaminya"
- Huraikan hujah anda tentang situasi di atas. [4 markah]



4. (a) Kerajaan Abbasiyah merupakan sebuah kerajaan Islam yang paling lama berkuasa dan berperanan dalam mewujudkan kegemilangan Islam.
- (i). Nyatakan **dua** sumbangan Khalifah Harun Al-Rasyid kepada Kerajaan Abbasiyah. [2 markah]
 - (ii). Jelaskan **dua** faktor kemerosotan Kerajaan Abbasiyah. [4 markah]
 - (iii). Terangkan **dua** iktibar yang diperoleh daripada pemerintahan Kerajaan Abbasiyah. [4 markah]
- (b) Salahuddin al-Ayyubi mempunyai ketinggian peribadi yang boleh dicontohi oleh umat Islam.
- (i). Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Salahuddin al-Ayyubi. [2 markah]
 - (ii). Jelaskan **dua** sumbangan Salahuddin al-Ayyubi dalam menegakkan syiar Islam. [4 markah]
 - (iii).

Salahuddin al-Ayyubi merupakan tokoh yang memberikan sumbangan besar dalam usaha membebaskan Baitul Maqdis daripada penguasaan tentera Salib.

Bagaimanakah pernyataan di atas boleh mendorong anda untuk memberikan sumbangan kepada negara? [4 markah]

5. (a) Menjaga dan menziarahi orang sakit sangat dituntut dalam Islam.

(i). Nyatakan **dua** adab menyantuni orang sakit. [2 markah]

(ii). Huraikan **dua** hikmah beradab terhadap orang sakit. [4 markah]

(iii).

Kawan anda terlibat dalam kemalangan jalan raya dan telah dimasukkan ke hospital. Kecederaan yang dialami menyukarkannya untuk ke mana-mana tanpa bantuan orang lain.

Sebagai sahabat yang baik, bagaimanakah cara anda dapat membantunya agar dapat melaksanakan ibadah dengan sempurna? [4 markah]

(b) Istiqamah merupakan sifat mulia yang menjadi tuntutan dalam Islam.

(i). Apakah maksud istiqamah? [2 markah]

(ii). Jelaskan **dua** contoh sifat istiqamah yang diamalkan oleh Rasulullah SAW. [2 markah]

(iii). Terangkan cara memiliki sifat istiqamah dalam menuntut ilmu. [2 markah]

(iv).

***Aisyah R.A. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:
“Apakah amalan yang paling disukai oleh Allah? Lalu baginda berkata: Amalan yang dikerjakan secara berterusan (istiqamah) walaupun sedikit.”***

Huraikan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT